

Harga 3 sen tak relevan

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan wajar mengkaji semula Perjanjian Air 1962 antara Malaysia dan Singapura berikutan harga tiga sen bagi setiap 1,000 galen air yang dijual sangat murah dan tidak relevan.

Pakar ekonomi, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, sudah tiba masanya Malaysia menilai semula perjanjian itu kerana ia hanya memberi keuntungan kepada negara jiran.

“Bagi saya kita perlu nilai harga pasaran air sekarang kerana ini membabitkan perdagangan dua negara.


“Kerajaan perlu memastikan sumber air dalam negara cukup terlebih dahulu kerana kita menghadapi musim kemarau dan sebagainya,” katanya.

Beliau yang juga pensyarah kanan ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, kerajaan perlu menilai perjanjian itu dengan harga bersesuaian bagi kedua-dua pihak mendapat keuntungan.

“Kerajaan ada dua pilihan, pertama mereka perlu menilai semula kadar dengan mengambil kira keadaan alam sekitar



“
Air kekangan
paling besar
dihadapi Singapura
dan cara paling
efektif import air
Dr Azizan



“
Kerajaan perlu
memastikan
sumber air dalam
negara cukup
terlebih dahulu
Dr Mohd Yusof

sumber semasa negara contohnya kemarau.

“Kedua, perlu berbincang dengan Singapura supaya kedua-dua pihak berada dalam situasi menang-menang contohnya, jika kekalkan harga air

sekarang apa keuntungan lain Singapura boleh beri kepada kita.

“Sebagai contoh, kurangkan harga barangan import sana atau kaedah lain yang perlu kerajaan kaji semula,” katanya.

Katanya, Malaysia sudah terlalu lama bertoleransi dengan negara jiran berhubung isu air dan mengharapkan kerajaan bertegas dalam hal ini.

“Saya faham kita terikat dengan perjanjian namun harga itu terlampau murah sedangkan Singapura menjual air dirawat kepada kita dengan harga mahal, adil ke?”

“Di sinilah peranan kerajaan untuk melihat semula perjanjian ini supaya Malaysia juga beroleh keuntungan,” katanya.

Sementara itu, Felo Penyelidik Kanan Institut Sains Bumi dan Samudera Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, Singapura sebuah negara yang mempunyai masalah defisit air.

“Mereka buatlah apa pun, tidak akan cukup air hingga terpaksa import dari Indonesia dan Malaysia.

“Air kekangan paling besar dihadapi Singapura dan cara paling efektif import air. Malah, saya melihat air isu nasional sekuriti dan mereka tidak mahu mana-mana negara menjadikannya sebagai senjata untuk menekan mereka,” katanya.

Sebelum ini, Malaysia dan Singapura bersetuju mencari penyelesaian secara damai berhubung perjanjian air termasuk kemungkinan menyelesaikan pertikaian menerusi timbang tara atas dasar persetujuan bersama.